



AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

24 Disember 2022

SITUASI SEMASA

Pusat Pemindahan Sementara

Sehingga jam 4.00 petang, 24 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir **menurun** kepada enam (6) di mana 19 daerah di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak terjejas. Seramai 24,414 orang mangsa daripada 7,696 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 124 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Terdapat penurunan berbanding jam 4:00 petang semalam di mana seramai 41,539 mangsa daripada 12,186 KIR berlindung di 194 PPS. Jumlah mangsa di PPS keseluruhan menurun khususnya di Kelantan dan Terengganu, namun jumlah negeri yang dilanda banjir menurun dengan penutupan semua PPS di Selangor dan Pahang. Namun terdapat peningkatan jumlah mangsa di PPS Sabah dan Sarawak berikutan Amaran Hujan Berterusan (bahaya, buruk dan waspada) oleh MET Malaysia bagi kedua negeri ini.

Secara keseluruhannya situasi banjir bertambah baik di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, amaran ribut petir harian yang dikeluarkan oleh MetMalaysia berisiko menyebabkan banjir kilat di kawasan rendah. Cuaca berimpak tinggi diramalkan berlaku di Sabah bermula 24 Dis 2022, yang berpotensi membawa hujan lebat dan berisiko memberi impak banjir dan lain-lain bencana cetsan hujan di daerah-daerah di Sabah, kesiapsiagaan semua pihak perlu dipertingkatkan.

Aras Air Sungai & Amaran Banjir

Sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **dua (2)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Bahaya** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sg Golok di Kuala Jambu, Tumpat	Kelantan
2	Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas	

Terdapat **enam (6)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Amaran** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sungai Similajau, Bintulu	Sarawak
2	Muput, Bintulu	
3	Sundar, Limbang	
4	Kuala Balingian, Mukah	
5	Sg. Pahang di Lubok Paku, Maran	Pahang
6	Sg. Pahang di Paloh Inai, Pekan	

Berikutan amaran cuaca buruk di Sabah, Jabatan Pengairan dan Saliran melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) telah mengemaskinikan notis kesiapsiagaan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh 24 jam yang akan datang. Lokasi hotspot yang disenaraikan melibatkan 5 daerah iaitu Pitas, Kudat, Sandakan, Beluran dan Kinabatangan. Dimohon penduduk di daerah tersebut untuk peka dengan keadaan cuaca semasa dan berhati-hati sekiranya terdapat peningkatan aras air.

Amaran & Ramalan Cuaca

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melaporkan Luruan Monsun (*Monsoon Surge*) dijangka berterusan sehingga 27 Disember 2022. Amaran Hujan Berterusan siri ke-7 yang dikeluarkan pada 14 Disember 2022 masih berkuat kuasa bermula 17 Disember 2022. Dua kemaskini Amaran Hujan Berterusan telah dikeluarkan pada 23 Disember 2022 masing-masing pada jam 9.00 pagi dan 4.35 petang. Manakala tiga Amaran Ribut Petir dikeluarkan di Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada **1:40 petang, 24 Disember 2022** telah mengeluarkan **Amaran Hujan Berterusan Buruk (Jingga) dan Amaran Hujan Berterusan Waspada (Kuning)**

Berdasarkan model cuaca, satu sistem cuaca bertekanan rendah telah terbentuk di Laut Sulu pada 24 Disember 2022 dan seterusnya dijangka bergerak merentasi Sabah. Keadaan ini boleh meningkatkan kelajuan angin dan intensiti hujan di kawasan berkenaan. Manakala, keadaan cuaca di negeri Sarawak dijangka beransur baik. Luruan monsun yang sedang berlaku sehingga 27 Disember berpotensi membawa angin kencang dan ombak besar di Laut China Selatan, perairan pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Justeru itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan yang kini melibatkan utara Sarawak dan Sabah sehingga 26 Disember 2022. Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan dan perairan Laut Sulu sedang berkuat kuasa sehingga 27 Disember 2022. Hujan lebat berterusan dijangka tertumpu di Sabah dan WP Labuan manakala hujan berterusan di Sarawak dijangka beransur reda.

Laporan Kejadian dan Kerosakan akibat Bencana

Jabatan Kerja Raya (JKR) melaporkan setakat jam 2:00 petang, trend menurun direkodkan secara keseluruhannya dengan sebanyak 14 lokasi terkesan kejadian banjir, 16 lokasi cerun runtuh, tujuh (7) lokasi jalan runtuh, enam (6) lokasi jalan mendap dan tiga (3) lokasi yang dimaklumkan terdapat kejadian jambatan rosak/ runtuh menjadikan jumlah keseluruhan adalah 46 lokasi.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) melaporkan setakat 23 Disember 2022 jam 11.59 malam, jumlah keseluruhan kejadian tanah runtuh di seluruh negara meningkat kepada 81 berbanding rekod pada 23 Disember 2022 (80 kejadian) iaitu di Sabah (19), Sarawak (17), Selangor (14), Pahang (10), Terengganu (6), Negeri Sembilan (5), Perak (4), Melaka (2), Johor (2) dan Kelantan (2).

PENYELARASAN PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB) PUSAT

PKOB Negeri Sabah telah diminta untuk bersiap siaga untuk menghadapi peningkatan keadaan banjir berikutan ramalan semasa daripada MET Malaysia. Bagi mangsa-mangsa yang terjejas akibat air pasang besar, PKOB Negeri Sabah diminta untuk terus membuka PPS serta penyediaan makanan sehingga keadaan semakin pulih.

PKOB Negeri Kelantan telah melaporkan ketibaan banyak kumpulan NGO yang giat membantu kerja-kerja pasca penduduk terkesan banjir. Bagaimanapun hanya sebilangan kecil yang melapor diri di PKOB seperti yang disarankan. PKOB Negeri diminta untuk terus memantau aktiviti NGO dan melaksanakan intervensi sekiranya perlu bagi memastikan tidak berlakunya pertindihan dan tiada kawasan kurang mendapat perhatian. NADMA telah mencadangkan supaya PKOB negeri Kelantan melaksanakan penilaian keperluan (*Post Disaster Needs Assessment- PDNA*) terutamanya di kawasan-kawasan yang terjejas teruk bersama beberapa buah NGO di bawah platform Rakan NADMA.

Kawasan-kawasan di luar bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga perlu diberi perhatian untuk kerja-kerja pembersihan. Semua PKOB Negeri terkesan telah diminta untuk memastikan kerja-kerja pembersihan turut dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bidang kuasa PBT terutamanya di kampung-kampung.

NASIHAT DAN RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA

Bagi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan diminta terus menghubungi talian **999** untuk tindakan lanjut pihak berkuasa. Bagi penduduk yang berada di kawasan terdedah kepada banjir sila patuh arahan pihak berkuasa dan berpindah awal sebelum keadaan menjadi bertambah buruk sesuai dengan amaran hujan berterusan peringkat bahaya oleh METMalaysia. Mohon pantau pergerakan keluarga di kawasan banjir bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku kepada keluarga masing-masing.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah memberi peringatan kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan *hotspot* tanah runtuh yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing. Langkah kewaspadaan in perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan 25° ke atas.

Sebagai kesiapsiagaan menghadapi banjir, sila rujuk maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi [myCuaca](#) di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Bagi mendapatkan info mengenai Pusat Pemindahan Sementara (PPS), orang ramai boleh muat turun aplikasi [InfoBencanaJKM](#) di Google Play dan App Store untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian

03-26107727 atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter @CSFJ_JKR.

Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama


Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



PERINGKAT	DAERAH	NEGERI	SEHINGGA
Buruk	Sandakan, Telupid, Kinabatangan, Beluran & Kudat	Sabah	26 Disember
Waspada	Pantai Barat, Sipitang, Kuala Penyu & Beaufort		
	Subis, Beluru, Miri, Marudi & Limbang	Sarawak	

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN
✕

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

Berdasarkan analisis model-model cuaca, satu sistem cuaca bertekanan rendah telah terbentuk di Laut Sulu pada 24 Disember 2022 dan seterusnya dijangka bergerak merentasi Sabah. Keadaan ini boleh meningkatkan kelajuan angin dan intensiti hujan di kawasan berkenaan. Manakala, keadaan cuaca di negeri Sarawak dijangka beransur baik. Luruan monsun yang sedang berlaku sehingga 27 Disember 2022 berpotensi membawa angin kencang dan ombak besar di Laut China Selatan, perairan pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Justeru itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan yang kini melibatkan utara Sarawak dan negeri Sabah sehingga 26 Disember 2022.

Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan dan perairan Laut Sulu sedang berkuat kuasa sehingga 27 Disember 2022.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web **www.met.gov.my** dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 24 Disember 2022, pada 3.30 petang



JUMLAH
KESELURUHAN

30
NGO

DAERAH

28

NEGERI

6

LAPORAN PERGERAKAN NGO RAKAN NADMA DI LAPANGAN

(Setakat 6.00 petang, 23 Disember 2022)



SENARAI BARANGAN KEPERLUAN DAN PERKHIDMATAN BANTUAN MANGSA BANJIR YANG TELAH DIBERIKAN

Barang Keperluan

1. Makanan sedia untuk dimakan
2. Kit kebersihan
3. Makanan kering
4. Air mineral
5. Susu bayi
6. Tikar
7. Khemah
8. Toto
9. Bantal
10. Selimut
11. Pakaian
12. Telekung
13. Tuala wanita
14. Lampin bayi
15. Tuala Mandi
16. Ubat-ubatan
17. Permainan kanak-kanak

Perkhidmatan

1. Pasukan sukarelawan perubatan
2. Sukarelawan kaunselor / pasukan sukarelawan psikologi
3. Pasukan sukarelawan pembersihan rumah
4. Pasukan Radio Amatur
5. Bekalan Air Bersih